

Muhyiddin: BN fokus semua negeri untuk menang PRU-13
The Malaysian Insider
19 November , 2011

LABUAN, 19 Nov – Barisan Nasional (BN) tidak hanya bergantung pada dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak untuk menang dalam pilihan raya umum akan datang, tetapi juga pada negeri-negeri lain di Semenanjung.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata walaupun kedua-dua negeri dan juga Labuan telah disifatkan sebagai deposit tetap bagi BN, gabungan itu sepatutnya berupaya memenangi semula negeri-negeri lain yang jatuh ke tangan pembangkang pada pilihan raya umum lalu.

“Kita sepatutnya berupaya menawan semula negeri-negeri lain yang kini diperintah pembangkang pada pilihan raya umum akan datang,” katanya dipetik Bernama Online.

Muhyiddin berkata fokus dan perhatian sama rata diberikan kepada semua negeri termasuk yang ditadbir pembangkang kerana menurutnya kerajaan BN sentiasa mengamalkan sikap adil.

“Kami akan terus mengekalkan pendekatan ‘touch point’ dalam membantu rakyat. Kami mahu rakyat tahu yang kami prihatin dan ikhlas dalam membantu mereka,” katanya pada sidang akhbar di sini selepas melakukan lawatan sehari ke Labuan hari ini.

Terdahulu Muhyiddin yang juga Timbalan Pengerusi BN mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno Labuan dan parti-parti komponen BN negeri dan diberikan taklimat mengenai persediaan pilihan raya oleh pemimpin Umno.

“Saya berpuas hati dengan taklimat yang diberikan. Isu perpaduan yang pernah dibangkitkan sebelum ini tidak harus dipersoalkan lagi. Semuanya baik, saya tidak melihat sebarang masalah mengenai perpaduan di pulau ini,” katanya.

Dalam pada itu ketika menghadiri majlis bertemu rakyat di Kampung Sungai Labu di sini, Muhyiddin berkata, kenaikan kos sara hidup akan terus menjadi agenda utama yang akan ditangani sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menambah baik tahap hidup rakyat.

Muhyiddin berkata kerajaan telah pun menyusun perancangan untuk melihat matlamat itu dicapai.

Beliau berkata belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang memberi tumpuan kepada peningkatan tahap hidup rakyat dan meringankan beban kewangan mereka membuktikan sikap prihatin kerajaan yang memerintah.

“Bagaimanapun di sebalik pelbagai usaha kerajaan untuk membawa pembangunan kepada rakyat selama bertahun-tahun, kami masih dituduh berbohong oleh pembangkang,” katanya.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-bn-fokus-semua-negeri-untuk-menang-pru-13/>